

Siap sedia berdepan air pasang

Fenomena itu dijangka melanda Kuala Selangor dan Klang bermula hari ini, JPS mula pasang strategi

KUALA SELANGOR – Status Bencana Tahap Satu akan ditarik balik selepas kesemua mangsa banjir yang ditempatkan di enam pusat penempatan banjir pulang ke rumah masing-masing.

Pengerusi Bencana Daerah Kuala Selangor, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor menjelaskan, setakat ini hanya tinggal 596 orang melibatkan 125 keluarga di enam pusat penempatan itu berbanding 1,111 orang sebelum ini.

Menurutnya, meskipun ada penyusutan air beberapa kawasan namun semua pihak termasuk Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) Daerah Kuala Selangor bersiap sedia menghadapi fenomena air pasang bermula hari ini.

“Kemungkinan fenomena air pasang akan melanda



Shamsul Shahril Badliza (dua, kiri) mengetuai sidang media di pusat penempatan banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Parit Mahang, semalam.

daerah ini dan Klang bermula esok (hari ini) hingga 29 November depan dengan ketinggian paras air minimum lima meter.

“Malah, Jabatan Meteorologi juga meramalkan

negara akan dilanda luruhan air monsun iaitu hujan lebat, angin kencang dan ribut petir pada 26 November hingga 27 November ini,” katanya pada sidang media Bencana Banjir Daerah Kuala Selangor ber-

sama Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor, Noraini Roslan dan Jurutera JPS Daerah Kuala Selangor, Ir Zurraidy Jalal.

Shamsul Shahril Badliza berkata, JPS Daerah Kuala

Selangor giat menjalankan kerja pembersihan parit di Taman Desa Mahang dan Jalan Makmur supaya aliran air sempurna.

“Buat masa ini, lapan pam air digunakan untuk mengempam air keluar ke sungai selain JPS sedang berusaha memperbaiki ban parit yang pecah di Jalan XYZ Kampung Bukit Hijau.

“Saya berharap persediaan rapi bagi menghadapi kemungkinan air naik sebaiknya memandangkan ada sembilan keluarga melibatkan 29 mangsa di Kampung Seri Sentosa dipindahkan apabila berlaku kenaikan air di kawasan Ladang Tuan Mee.

“Dilaporkan juga ada kenaikan air di Kampung Asahan bagaimanapun masih belum ada pemindah-

an mangsa banjir setakat ini,” katanya yang berharap cuaca panas berterusan.

Mengulas isu kebajikan mangsa banjir, Shamsul Shahril Badliza menjelaskan, keperluan enam ibu mengandung yang ditempatkan di pusat penempatan banjir dijaga sebaiknya.

“Ada dua ibu mengandung yang mana seorang itu sedang menunggu masa dan seorang lagi dijangka bersalin hujung bulan ini... jadi dua kes ini dirujuk kepada hospital berhampiran.

“Terima kasih juga kepada pihak sekolah kerana membenarkan penggunaan kelas sebagai tempat penempatan banjir dan usaha bantuan diteruskan berdasarkan garis panduan dan prosedur operasi standard sedia ada,” katanya.